

**Cubaan Anwar bersihkan namanya dalam skandal seks
Malaysian Insider
Sept 18 , 2013
OLEH V ANBALAGAN, PENOLONG PENGARANG BERITA**

Sembilan tahun selepas dibersihkan dari tuduhan meliwat pemandu isterinya, Datuk Seri Anwar Ibrahim kini sekali lagi cuba mengetepikan dakwaan itu dalam perbicaraan di Mahkamah Persekutuan yang mendakwa beliau terlibat dalam kegiatan homoseksual.

Peguamnya, Karpal Singh memberitahu The Malaysian Insider Mahkamah Persekutuan akan mendengar kes itu pada 13 November.

Karpal berkata, parti politik terutama Umno menggunakan tuduhan sedemikian bagi membunuh perwatakan pemimpin pembangkang.

Permohonan untuk mengetepikan dakwaan itu difailkan sejak sebelum pilihan raya umum lalu melalui Tetuan Abu Bakar & Yong.

Pengerusi Biro Guaman PKR, Latheefa Koya berkata, selain ahli politik, akhbar milik Umno, Utusan Malaysia turut sering memainkan isu tersebut apabila Anwar mahu memfailkan saman fitnah terhadap akhbar berkenaan.

Katanya, mereka menggunakan penilaian sendiri sehingga nama baik Anwar tercemar.

"Hal ini makin ketara sejak beberapa tahun lalu dan kita mahu hentikan segera segala tuduhan tidak berasas ini," katanya.

Anwar kini ketua pembangkang dan juga Ketua Umum PKR.

Pada 2 September 2004, Anwar dibebaskan selepas Mahkamah Persekutuan dalam keputusan juri 2-1 membebaskannya daripada tuduhan salah laku seks.

Hakim Datuk Abdul Hamid Mohamad kemudiannya menjadi ketua hakim dan Tengku Baharudin Shah Tengku Mahmud mewakili Anwar.

Abdul Hamid dalam penghakimannya berkata: "Kami menjumpai bukti mengesahkan Anwar dan Sukma Darmawan Saasmitaat terlibat dalam aktiviti homoseksual dan kami mendapati kejadian tersebut berlaku di Tivoli Villa, beberapa kali."

Anwar dan Sukma dituduh cuba meliwat Azizan Abu Bakar di antara Januari dan Mac 1994 di Tivoli Villa di Kuala Lumpur.

Azizan ialah pemandu kepada Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Mahkamah Tinggi pada tahun 2000 menjatuhkan hukuman sembilan tahun penjara kepada Anwar bersama hukuman enam tahun penjara atas kesalahan rasuah.

Mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad adalah individu pertama dipanggil ke Mahkamah Persekutuan bagi memberi keterangan dalam kes tersebut.

Dalam satu sidang media pada 1998, Dr Mahathir mendakwa Anwar sebagai seorang peliwat.

"Saya tidak akan biarkan peliwat berada dalam Kabinet, Bayangkan seorang homoseksual menjadi Perdana Menteri. Pasti ramai yang tidak selamat," katanya.

Kenyataan tersebut dikeluarkan selang beberapa hari selepas Anwar dipecat daripada jawatan timbalan perdana menteri.

Anwar kemudiannya memfailkan saman fitnah RM100 juta kepada orang atasannya itu.

Bagaimanapun, saman itu dibatalkan pada 2007 disebabkan Mahkamah Persekutuan mendapati Anwar terlibat dalam kegiatan homoseksual.

Kini, Anwar masih berdepan pertuduhan kes liwat kedua meskipun dibebaskan tahun lalu.

Rayuan kerajaan terhadap pembebasan Anwar akan didengar hari ini.

Kerajaan juga sebelum ini cuba mendapatkan peguam Datuk Seri Muhammad Shafee Abdullah bagi mewakili kerajaan di Mahkamah Rayuan.

Anwar didapati tidak bersalah meliwat bekas setiausaha politiknya, Mohd Saiful Bukhari Azlan di kondominium Desa Damansara pada 26 Jun 2008. – 18 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/cubaan-anwar-bersihkan-namanya-dalam-skandal-seks>